

14 AUG 1996

LEAD Kabinet-menara (bergambar)

DR MAHATHIR DAN KABINET JAMU SELERA DI MENARA KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan jemaah Menteri menjamu selera di Restoran Seri Angkasa di Menara Kuala Lumpur di sini tengah hari tadi.

Majlis selepas mesyuarat mingguan Kabinet itu dianjurkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dr Mahathir dan menteri-menteri lain yang diiringi isteri masing-masing, mengambil kesempatan menyaksikan pemandangan Kuala Lumpur dari menara setinggi 421 meter itu.

Menara milik Telekom Malaysia bernilai RM270 juta itu dibuka kepada umum bulan lepas.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata pembukaan rasmi menara itu akan dilakukan oleh Perdana Menteri pada 1 Okt ini.

"Perasmian akan dijalankan pada waktu malam dan acara istimewa akan diatur," katanya kepada pemberita di Angkasapuri.

Mohamed, yang juga Pengerusi Pembinaan Menara Kuala Lumpur, berkata menara itu sudahpun menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara.

Ia dikunjungi sekitar 2,000 orang setiap hari dan meningkat kepada 5,000 orang pada hujung minggu.

Menara itu merupakan yang tertinggi di Asia Tenggara dan keempat di dunia selepas menara-menara di Toronto, Moscow dan Shanghai.

"Tetapi kalau dikira dari segi pembinaan, Menara Kuala Lumpur ini sepatutnya menjadi menara konkrit yang kedua tertinggi di dunia selepas menara di Shanghai yang setinggi 440 meter," katanya.

Menara-menara di Toronto dan Moscow itu diperbuat daripada besi.

-- BERNAMA

WE AZZ MAI